


**UCAPTAMA TAHUNAN  
REKTOR KUKUM  
2004  
&  
MAJLIS  
PERASMIAN LOGO  
KUKUM**



**10 Februari 2004  
Dewan Warisan Kangar, Perlis**



**“Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya”**

**UCAPTAMA TAHUNAN  
REKTOR KUKUM  
2004**

**Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Rektor  
Kolej Universiti Kejuruteraan  
Utara Malaysia**

**10 Februari 2004  
Dewan Warisan Kangar, Perlis**







Lt. Kol. Profesor Dr. Kamarudin Hussin  
Rektor  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia



## Bahagian 1: MUKADIMAH

Assalamualaikum warah matullahiwarabarakatuh dan salam sejahtera,  
Saudara-saudari, para pelajar dan staf KUKUM yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan saya panjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Pemilik semesta alam, yang telah memberikan keizinanNya untuk kita mengadakan Majlis Ucaptama Rektor kali kedua pada pagi yang indah ini. Sekiranya saudara-i sekalian masih ingat, kita telah mengadakan majlis seumpama ini buat julung-julung kalinya pada bulan Mac tahun 2003. Pada waktu itu, saya telah menyatakan harapan saya agar majlis tersebut menjadi pembuka tirai kepada majlis-majlis seumpamanya yang diadakan pada setiap tahun. Alhamdulillah, harapan tersebut telah dimakbulkan oleh Allah SWT, dan maka itu, berhimpunlah kita sekali lagi pada hari ini.

Bagi yang tidak berkesempatan menghadiri majlis tersebut tahun lepas kerana belum lagi diambil bekerja atau belajar di KUKUM, ingin saya menjelaskan bahawa siri Ucaptama Tahunan Rektor diadakan awal setiap tahun sebagai sebuah pelantar di mana hasrat hati saya serta pihak pengurusan KUKUM dapat dikongsi bersama dengan segenap lapisan warga KUKUM. Ini agar setiap ahli keluarga kita ini dapat menghayati dan seterusnya memikirkan cara yang terbaik untuk menyumbang tenaga bagi mencapai kecemerlangan di Universiti yang kita sayangi ini.

Ingin saya jelaskan bahawa walaupun intipati ucaptama ini banyak ditujukan kepada staf, namun begitu, ia adalah relevan kepada pelajar juga. Kerana itulah saya menjemput para pelajar untuk turut serta di dalam majlis ini, agar pelajar dapat bersama-sama memahami mesej yang ingin saya sampaikan.

Kita merasa sangat bertuah pada pagi ini kerana di samping Majlis Ucaptama, kita juga akan melancarkan logo rasmi KUKUM, dan sekali gus meraikan warga KUKUM- pelajar dan juga staf - yang telah tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan mencipta logo rasmi KUKUM tahun lepas. Sebanyak 19 buah penyertaan dari warga KUKUM telah diterima. Saya ucapkan tahniah serta terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian. Tidak pernah saya sangka yang kita sebenarnya mempunyai begitu banyak sekali bakat terpendam! Marilah



sama-sama kita berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka-mereka ini!!

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Sebagai mukadimah kepada syarahan ini, ingin saya umumkan tema ucaptama ini, yang juga menjadi tema yang akan kita pegang sepanjang tahun ini, iaitu "TERUS MENGEMUDI TENAGA DAN UPAYA". Mengapakah saya memilih tema ini? Sebagaimana saudara-i sedia maklum, tema kita tahun lepas ialah "BERSAMA MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI". Setelah hampir dua tahun beroperasi, sekiranya kita lihat kembali tema dahulu, kita perlu bertanya kepada diri sendiri, apakah erti tema tersebut di dalam konteks pekerjaan seharian kita di KUKUM? Adakah Universiti yang sama-sama kita bangun itu sudahpun terbina? Sekiranya ya, adakah pembangunannya sudah sempurna? Jadi, apakah lagi yang harus kita lakukan kini?

Sudah tentu kita sedar bahawa Universiti ini, walaupun sudah terbina seadanya, namun begitu, ia masih jauh dari sempurna. Manakan tidak- Bukan semua dapat dilakukan di dalam tempoh belum sampai dua tahun yang kita diberikan ini. Jadi, sudah tentulah kesungguhan di dalam pembinaan Universiti perlu diteruskan. Maka, tema "TERUS MENGEMUDI TENAGA DAN UPAYA" akan kita jadikan sandaran bagi segala usaha yang bakal kita curahkan tahun ini.

Mungkin ada juga baiknya sekiranya saya mengingatkan sekali lagi falsafah penubuhan KUKUM. Ini agar saudara-i sekalian dapat membentuk sebuah penghargaan ke atas perkara-perkara yang telah dan akan saudara-i lalui selama berada di KUKUM. Saya ingin saudara-i sekalian menghargai dan menghayati dengan sedalam-dalamnya mengapa kita perlu lakukan perkara-perkara yang telah kita diarahkan. Insya Allah, dengan penghargaan yang sedemikian, maka akan lahirlah keikhlasan di hati semasa menjalankan tugas.

Saudara-i sekalian, janganlah sekali-kali kita lupa bahawa KUKUM telah ditubuhkan oleh kerajaan atas kesedaran bahawa pembangunan dan kesejahteraan negara memerlukan sumbangan warga yang mempunyai ciri-ciri yang hebat di dalam bidang kejuruteraan dari perspektif akademik dan juga sahsiah. Kerana itu, tugas utama kita ialah untuk melahirkan warga yang sedemikian rupa. Janganlah kita lupa bahawa moto KUKUM





“Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepadaNya mendasari penerokaan ilmu”

ialah ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN, di mana ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepadaNya mendasari penerokaan ilmu. Kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan sewajarnya. Kita harap segala hasil yang dijana oleh KUKUM dapat dimanfaatkan oleh negara dan dunia, dan segala pekerjaan yang mendukung usaha untuk mencapai cita-cita KUKUM dilakukan atas dasar beribadah kepada Tuhan semata-mata.

Saudara-i sekalian, itulah dia, secara sepintas lalu, falsafah yang didukung KUKUM. Marilah bersama-sama kita renung sejenak amanah yang terkandung di dalam falsafah tersebut. Kerana, falsafah di dalam bentuk kata-kata sahaja tidak mencukupi. Ia harus dihayati dan diamalkan setiap hari.

Salah satu cara yang boleh dilakukan bagi memastikan bahawa falsafah kita itu dihayati dan diamalkan ialah dengan mengintegrasikannya secara terancang di dalam pekerjaan kita seharian. Kerana itulah kita baca misi dan visi kita sekerap yang mungkin, dan saudara-i juga ada memakainya di belakang smart card masing-masing. Kita juga sering menyanyikan lagu rasmi KUKUM, WAWASANKU, yang di dalamnya terkandung falsafah yang kita dukungi. Pun, ini semua masih belum cukup. Alhamdulillah, kita telahpun mengadakan fasa awal Bengkel Perancangan Strategik bagi tahun 2004, yang secara khusus memperincikan tindakan-tindakan yang bakal kita ambil sepanjang tahun ini bagi memastikan bahawa intipati falsafah KUKUM terlaksana. Pada pagi ini, saya akan berkongsi dengan saudara-i sekalian mengenai pengisian bengkel tersebut.



## Penelitian Semula Visi KUKUM

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Sedar tak sedar, kita sudahpun beroperasi selama lebih kurang 2 tahun. Pelajar kelompok sulung kita tidak lama lagi akan memasuki tahun ketiga pengajian. Ini bermakna, lebih kurang 2 tahun lagi, mereka akan berijazah. Dan sebagai warga KUKUM, tentunya kita semua merasa berdebar-debar menantikan detik ini. Inilah dia moment of truth, di mana, buat pertama kalinya di dalam sejarah penubuhan kita, "produk" kita akan "siap" dan bersedia untuk dihantar keluar. Kita masih belum tahu kemampuan pelajar kita, yang merupakan "produk" utama kita. Sekiranya di industri, prestasi produk yang dikeluarkan selalunya mudah diukur, kerana ia sering kali melibatkan dimensi-dimensi yang tangible. Tetapi bagaimanakah boleh kita ukur prestasi pelajar kita bila mana mereka berijazah? Kerana jenis "produk" yang unik inilah kita harus berusaha memastikan bahawa proses yang kita bina adalah yang terbaik, kerana jika prosesnya baik, nescaya produknya juga baik. Proses yang baik dibina dengan mengambilkira visi sesebuah organisasi. Dari itu, marilah kita kembali kepada visi kita yang asal.

Visi KUKUM, sebagaimana yang kita semua tahu, ialah "Menjadi institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara".

Bersama-sama dengan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti kita, iaitu Y. Bhg. Dato' Ramli Abbas, kita baru-baru ini telahpun mengupas visi tersebut secara mendalam dan bersetuju bahawa institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia yang kita idam-idamkan itu tidak lain daripada institusi world class di dalam bidang Kejuruteraan, khususnya kejuruteraan berasaskan elektronik. Apakah yang dimaksudkan dengan "kejuruteraan berasaskan elektronik?" Mengapakah dipilih elektronik? Bagaimanakah pula dengan bidang Kejuruteraan Bahan, atau Kejuruteraan Metalurgi, atau Kejuruteraan Pembuatan, misalnya? Adakah bidang-bidang ini akan dipinggirkan kerana jika dilihat pada nama, tiada langsung perkataan 'elektronik' di dalam bidang-bidang ini?

Di sinilah kita semua perlu benar-benar faham akan sejarah ringkas KUKUM, dan juga maksud yang terkandung di dalam ungkapan 'kejuruteraan berasaskan elektronik'. Mungkin tidak semua di antara saudara-i sekalian yang tahu bagaimana benih KUKUM disemai lebih kurang 3 tahun yang lalu.



Pada waktu itu, kerajaan ingin mewujudkan sebuah institusi pendidikan tinggi awam yang berkeupayaan menjana jurutera mahir bagi memenuhi keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara. Kerajaan tahu bahawa perkembangan sektor industri dan peningkatan keperluan pembangunan di Malaysia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Sekiranya kita tidak menguasai ilmu di dalam bidang itu, maka sia-sialah segala perancangan dan pelaburan yang telah dibuat. Maka, tersemailah benih penubuhan KUKUM. Harapan kerajaan ialah, KUKUM dapat membantu membekalkan sebahagian dari 137 ribu orang jurutera mahir yang masih diperlukan dalam tahun-tahun yang akan datang ini, khasnya jurutera mahir di dalam bidang elektronik.

Lalu, Y. Bhg. Profesor Ali Yeon, kini Timbalan Rektor (Akademik) kita, telah diminta untuk membangunkan kurikulum yang dirasakan dapat membantu merealisasikan harapan kerajaan, dan saya pula telah diamanahkan untuk menerajui usaha penubuhan Universiti ini. Kita tidak menoleh ke belakang sejak daripada itu, dan Alhamdulillah, sudah begitu jauh langkah yang kita ambil sehingga kini.

Jadi saudara-i sekalian, penubuhan KUKUM sebenarnya adalah merupakan sebahagian dari pelan tindakan di dalam agenda kerajaan Malaysia menguasai bidang ilmu elektronik yang kini masih belum lagi berada di dalam tangan kita. Sebagai institusi yang mendukung dan menyokong penuh hasrat yang murni ini, kita akan kekal fokus kepada bidang elektronik. Kerana itulah kita membangunkan program-program akademik yang berkisar di sekitar bidang elektronik. Contoh yang jelas ialah program Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Perhubungan, Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Elektronik Industri, dan Kejuruteraan Sistem Elektrik. Bagi Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Metalurgi, dan Kejuruteraan Pembuatan, penekanan kita masih lagi kepada elektronik. Insya Allah, kita akan mengkaji teknologi yang boleh menggunakan sifat-sifat tertentu apa jua jenis bahan bagi menyerlahkan fungsi elektronik sesebuah komponen atau peralatan yang hendak dibina. Teknologi pembuatan yang hendak kita terokai melalui bidang Kejuruteraan Pembuatan yang kita tawarkan juga memberi penekanan kepada teknologi pembuatan perkakasan bagi aplikasi berasaskan elektronik.



Lihatlah saudara-i sekalian, bagaimana elektronik menjadi benang yang menyambungkan kepelbagaian jurusan kejuruteraan yang kita tawarkan. Inilah dia niche area kita. Kita ingin cemerlang di dalam bidang elektronik, walau apa jua jurusan kejuruteraan yang kita ceburi. Siapa tahu, suatu hari nanti, kita mungkin akan menawarkan program Kejuruteraan Aeroangkasa, atau Kejuruteraan Marin, atau Kejuruteraan Sukan sekalipun, dan fokus kita kelak tetap kepada elektronik, khasnya kepada pembinaan dan pelaksanaan fungsi dan komponen elektronik di dalam industri aeroangkasa, industri marin, industri sukan atau apa jua industri yang dipilih.

Kupasan 'Core Values' KUKUM

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Untuk KUKUM mencapai taraf world class di dalam bidang kejuruteraan berasaskan elektronik bukanlah perkara yang enteng. Kita perlukan segala-galanya bagi merealisasikan impian ini. Kerana itulah kita perlu sentiasa ingat, faham, hayati dan amalkan moto kita, iaitu ILMU, KEIKHLASAN, dan KECEMERLANGAN. Pagi ini sahaja kita telah mendengar perkataan ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN beberapa kali. Kita semua telah menyebutnya semasa kita menyanyikan lagu WAWASANKU tadi. Tetapi apakah kena mengena ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN dalam kita cuba mewujudkan sebuah institusi yang bertaraf world class? Sebenarnya, ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN lah, iaitu core values kita, yang akan membawa KUKUM mencapai taraf world class tersebut. Dari itu, marilah sama-sama kita teliti apakah yang dimaksudkan dengan ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN ini.

Orang yang berILMU membawa maksud orang yang bermaklumat, berpengalaman, berpengetahuan, berkepakaran dan berkemahiran. Orang ini tahu selok-belok kerjanya dari perspektif teori dan juga praktikal. Dia membuahkan banyak idea, sangat bijaksana, dan mempunyai kesungguhan dan keyakinan yang tinggi dalam menjalankan tugas-tugasnya. Orang ini juga pandai membezakan di antara yang baik dan yang buruk, dan amat tekun dan sabar menghadapi apa jua keperluan kerja seharian. Disebabkan pembacaannya yang amat meluas, orang ini sangat kreatif dalam mengatasi cabaran. Perspektifnya, yang melingkari pelbagai sudut pandangan, membuatkan apa jua masalah dapat ditukar kepada peluang untuk penambahbaikan. Orang ini lebih banyak mendengar dari bercakap, dan kegagalan atau rintangan tidak langsung



“Orang yang berilmu mempunyai perspektif yang melingkari pelbagai sudut pandangan, membuatkan apa jua masalah dapat ditukar kepada peluang untuk menambahbaikkan”



menghindarinya dari terus menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Inilah definisi orang yang berilmu.

Apakah pula yang dimaksudkan dengan KEIKHLASAN? Bukankah ilmu sahaja sudah mencukupi? Sekali-kali tidak! Sekiranya seseorang itu berilmu tinggi, tetapi tidak ikhlas semasa menimba dan menggunakan ilmu yang ada pada dirinya, maka ilmu tersebut akan menjadi liabiliti dan bukan lagi aset. Betapa tidak? Ilmu yang tidak didasari dengan perasaan ikhlas semasa mencarinya boleh menjadikan seseorang itu menggunakannya bagi tujuan yang salah, dan di dalam sesetengah kes, tujuan yang menjahanamkan masyarakat sejagat. Sudah terlalu banyak contoh yang dapat kita lihat di sekeliling kita bagaimana ratusan ribu manusia menderita akibat perbuatan yang dilakukan oleh segelintir orang yang dikatakan berilmu. Marilah kita mengambil iktibar di dalam perkara ini. Ilmu semata-mata sudah jelas tidak mencukupi. Kita perlukan keikhlasan. Tetapi bagaimanakah keikhlasan dapat diukur?

Sememangnya keikhlasan tidak dapat diukur dengan mudah, kerana ia melibatkan perasaan di dalam hati dan sanubari. Walaubagaimanapun, ciri dan sifat seseorang yang ikhlas dapat dikenalpasti. Orang yang ikhlas melakukan tugas dengan tidak mengharapkan apa jua imbuhan melainkan kesempurnaan kerja yang dilaksanakan. Orang ini melakukan tugas bukan kerana terpaksa, tetapi kerana didorong rasa tanggungjawab kepada Tuhan dan juga kerana ingin mencari kepuasan diri melalui kerja. Disebabkan keikhlasannya, dia begitu komited, berani, proaktif, dan amanah dalam menjalankan tugasnya. Di samping itu, orang yang ikhlas juga amat realistik terhadap kemampuan diri yang ada pada dirinya.



Orang yang bukan sahaja berilmu tetapi juga ikhlas mempraktikkan ilmunya, insya Allah, akan melahirkan KECEMERLANGAN. Dengan lain perkataan, kecemerlangan adalah hasil gabungan ilmu dan keikhlasan. Orang yang cemerlang sangat asertif dan berkeyakinan tinggi. Dan orang ini boleh dikenalpasti dari kualiti kerjanya yang sarat dengan ciri keilmuan yang sangat mendalam. Dia sering menjadi role model dan sumber rujukan kepada orang lain.

Jadi siapakah orang yang berilmu, ikhlas dan cemerlang ini? Bolehkah kita jumpa orang seperti ini di KUKUM? Saudara-i sekalian, saya ingin mengemukakan sebuah challenge. Saya tidak ragu-ragu untuk mengatakan bahawa setiap orang di antara kita di dalam dewan ini sebenarnya berpotensi untuk menjadi orang ini. Setiap dari kita boleh berusaha menimba ilmu dengan perasaan yang jujur dan ikhlas, yang akhirnya akan membuahkan kecemerlangan. Atas kenyataan ini, saya menyeru setiap warga KUKUM, termasuk diri saya sendiri, untuk menyahut cabaran menjadi seorang yang berilmu, ikhlas dan cemerlang.

Untuk menjadi berilmu tiada masalahnya. Kita di KUKUM sebenarnya sedang duduk di atas khazanah ilmu yang boleh didapati bukan sahaja dari pembacaan buku-buku di Perpustakaan, tetapi juga dari internet, dari perbincangan dengan penyelia dan rakan-rakan, dan dari banyak sumber lain di sekeliling kita. Kelayakan akademik serta bertahun-tahun pengalaman yang ada pada diri kita semua, sekiranya digabung secara kolektif, akan menjadi timbunan ilmu yang tidak terperi luasnya. Rugilah sekiranya kita tidak menggunakannya dengan sebaik mungkin. Ilmu ada di sekeliling kita, hanya kita sahaja yang tidak memanfaatkannya dengan wajar. Dalam mencari ilmu, kita perlu bijaksana menggunakan masa yang ada dengan sebaik-baiknya agar ilmu di dada dapat ditambah setiap hari, tanpa berkecuali.

Bagi keikhlasan pula, saya menyeru saudara-i sekalian menjalankan muhasabah ke atas diri sendiri untuk mengenalpasti apakah motif atau dorongan saudara-i datang bekerja setiap hari. Sekiranya motif saudara-i adalah bagi tujuan beribadah atau rasa tanggungjawab, maka keikhlasan, saya pasti, tidak jauh dari diri saudara-i sekalian. Saudara-i hanya perlu sentiasa mengingati diri agar motif ini tidak berubah dari semasa ke semasa.



Sekiranya kedua-dua ilmu dan keikhlasan diberikan perhatian, maka kecemerlangan pada peringkat individu akan menyusul, insya Allah. Namun begitu, kecemerlangan pada peringkat individu sahaja pun belum mencukupi. Kita perlu memastikan bahawa pockets of excellence yang dijana oleh karyawan-karyawan KUKUM yang berdedikasi ini dapat digabungkan agar kecemerlangan pada peringkat jabatan, dan seterusnya pada peringkat Universiti dapat dihasilkan. Pockets of excellence ini, sekiranya tidak diuruskan dengan baik, mungkin boleh hilang begitu sahaja. Kerana itulah amat penting bagi kita semua bekerja secara berpasukan. Kecemerlangan adalah lebih bermakna sekiranya ia dirasai pada peringkat Universiti, dan bukannya pada peringkat individu atau jabatan semata-mata. Malah, kecemerlangan pada peringkat individu tidak semestinya menghasilkan kecemerlangan pada peringkat Universiti, melainkan terdapat penyelarasan dan kerjasama padu dari semua jabatan di dalam Universiti ini. Insya Allah, sekiranya ini dilakukan, maka 1 + 1 menghasilkan 3, atau 10, atau 100, dan 1 + 1 bukan lagi menghasilkan 2, sebagaimana lazimnya. Inilah yang dikatakan synergy, dan inilah yang amat kita perlukan dalam kita membangunkan Universiti ini.

Dalam minggu-minggu terdekat ini, kita akan cuba secara rasminya membudayakan core values kita dengan mengadakan rites dan ritual yang sewajarnya. Dengan lain perkataan, kita akan merai dan merayakan 'core values' ini, supaya ingatan kita mengenainya tidak akan lekang walau sekejap.

#### Penelitian Terhadap Ekspektasi Pemegang Taruh KUKUM

Saudara-i sekalian, dengan berbekalkan sifat keilmuan dan keikhlasan, kita perlu merancang tindakan-tindakan kolektif yang perlu diambil bersama agar kecemerlangan pada peringkat Universiti dapat terhasil. Untuk memastikan bahawa kecemerlangan yang kita kejar itu menjadi realiti dan bukannya khayalan kita semata-mata, kita perlu melihat diri kita dari kacamata orang lain, terutama sekali dari kacamata orang-orang yang menjadi pemegang taruh (atau stakeholders) kepada KUKUM. Siapakah orang-orang ini? Siapakah yang mempunyai kepentingan ke atas KUKUM? Sekiranya diamati, terdapat 5 kategori yang perlu kita semua beri sepenuh perhatian iaitu kerajaan, industri, pelajar, ibubapa & masyarakat, dan yang tidak kurang pentingnya, staf KUKUM sendiri. Kita mempunyai tanggungjawab untuk memberikan yang terbaik kepada kelima-lima kategori ini. Dari itu, kita perlu mengkaji apakah ekspektasi orang-orang di



dalam kategori ini ke atas KUKUM.

Mari kita mulakan dengan kerajaan. Apakah yang kerajaan Malaysia inginkan dari kita? Sekiranya kita faham falsafah penubuhan KUKUM sebagaimana yang saya terangkan tadi, maka persoalan ini sudahpun terjawab. Kerajaan mahukan KUKUM menjana jurutera mahir di dalam bidang elektronik bagi menampung keperluan guna tenaga Pelan Induk Perindustrian Negara. Dari itu, adalah menjadi tanggungjawab kita melakukan kerja-kerja yang membolehkan KUKUM melahirkan jurutera mahir tersebut. Saya berbangga mengatakan bahawa banyak rancangan telah diatur dan dilaksanakan sejak dari awal penubuhan KUKUM lagi bagi memastikan pencapaian objektif ini. Pada tahun ini, kita perlu memastikan bahawa kerja-kerja murni ini dimantapkan dan diteruskan lagi.

Di samping itu, kerajaan, yang merupakan pembiaya Universiti ini, juga ingin melihat KUKUM mempunyai kekuatan tertentu yang boleh menjana sumber kewangannya sendiri. Cara terbaik menjana sumber kewangan sendiri ialah melalui kerjasama dengan pihak industri, di mana industri menyumbangkan sejumlah wang kepada KUKUM, tertakluk kepada terma-terma tertentu yang boleh menghasilkan situasi win-win kepada kedua-dua belah pihak. Saya kira ini dapat dicapai dengan jayanya sekiranya kita mempunyai asas penyelidikan yang mantap. Dari itu, kerja-kerja yang menjurus kepada pembinaan budaya dan persekitaran penyelidikan perlu kita berikan penekanan pada tahun ini.

Seterusnya, apakah yang industri mahukan dari kita? KUKUM sebenarnya menjadi sumber kepada dua perkara penting yang dapat menjamin pembangunan industri. Yang pertama ialah sumber tenaga manusia di dalam bentuk jurutera mahir, dan yang kedua, sumber teknologi baru yang boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pengoperasian dan kos industri. Sumber tenaga manusia yang diminta oleh industri adalah selaras dengan apa yang kerajaan inginkan dari kita. Bezanya cuma pada kehendak industri yang inginkan graduan yang boleh bekerja tanpa melalui proses latihan di lapangan (atau site training) yang mungkin menelan belanja yang besar. Industri adalah jauh lebih demanding berbanding kerajaan, dan kita di KUKUM sudahpun mempunyai strategi bagi memenuhi keperluan ini. Contohnya, kita sudah ada Pusat Kerjasama Industri (PKI) yang tugasnya semata-mata menjalin hubungan intim dengan pihak industri supaya keperluan pihak ini dapat benar-benar difahami dan seterusnya diterjemahkan dan dipraktikkan di dalam kurikulum akademik



kita. Dengan 18 buah MoU yang sudahpun ditandatangani, saya yakin pihak industri akan menjadi rakan kongsi kita yang akrab dalam tahun-tahun yang akan datang ini.

Untuk menjadi sumber teknologi baru bagi industri, maka sekali lagi kita perlu melihat kepada kekuatan penyelidikan kita. Sekiranya kita sudah boleh menghasilkan proses atau teknologi yang menarik minat industri sehingga mereka sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan teknologi tersebut dapat mereka perolehi dan gunakan, maka bukan sahaja keperluan industri yang kita penuhi, bahkan keperluan kita sendiri juga dipenuhi, di dalam bentuk pembiayaan kewangan. Ini sekali gus melengkapkan ekspektasi kerajaan ke atas kita di dalam aspek penajaan sumber kewangan.

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Apakah pula yang para pelajar harapkan dari KUKUM? Sekiranya saya boleh menjawab soalan ini dengan satu ayat sahaja, tentunya jawapan saya ialah "segulung ijazah yang menjamin peluang pekerjaan yang menarik". Tetapi, perjalanan menuju kepada segulung ijazah itu adalah sebuah pancaroba yang mengandungi pelbagai ranjau, onak dan duri pada pihak pelajar, dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membimbing anak-anak didik kita ini mengharungi cabaran-cabaran tersebut dengan sebaik mungkin. Buku-buku, nota kuliah, peralatan makmal yang canggih dan prasarana akademik lain yang lengkap dan terkini sahaja belum tentu menjamin kelahiran graduan yang hebat. Kita memikul amanah untuk menawarkan pengalaman dan pembelajaran yang terbaik kepada pelajar kita. Setiap hari yang mereka lalui bersama kita sebenarnya merupakan episod-episod pembelajaran, samada pembelajaran ke atas perkara-perkara yang baik, ataupun sebaliknya. Sekiranya kita sentiasa menjalankan tugas dengan ikhlas dan sempurna, maka besar kemungkinan pelajar-pelajar kita dapat melihatnya dan mencontohinya. Sebaliknya, sekiranya kita menjalankan tugas dengan tidak ikhlas dan tidak berkesungguhan, kita sebenarnya menunjukkan contoh teladan yang buruk dalam prilaku kita, dan nescaya pelajar-pelajar kita akan terikut-ikut dengan prilaku kita yang tidak baik itu.

Saudara-i sekalian, jelaslah, kita sebenarnya memainkan peranan yang amat besar di dalam mencorakkan tingkahlaku pelajar-pelajar kita. Di dalam julat umur di mana mereka berada sekarang ini, pengaruh kita,



terutama sekali para pensyarah, Jurutera Pengajar (atau PLV), staf HEP, staf desa kediaman, dan pengawal-pengawal Keselamatan yang berinteraksi dengan mereka setiap hari, adalah jauh lebih besar dari pengaruh ibubapa mereka sendiri. Dari itu, kita perlu sentiasa beringat dan mengambil berat mengenai perkara ini.

Saya tahu ada di antara staf KUKUM yang merasakan bahawa hal ehwal pelajar bukanlah menjadi tugas asasi mereka. Ingin saya jelaskan di sini bahawa tanggungjawab membimbing pelajar bukan hanya terletak pada bahu Jabatan HEP semata-mata. Sebenarnya, apa jua tugas yang kita diberikan di KUKUM ini, tugas membimbing pelajar adalah tugas yang paling mustahak. Samada saudara-i bertugas sebagai pensyarah, jurutera pengajar, penolong pendaftar, kerani, atau apa sekalipun, tugas utama saudara-i ialah membimbing para pelajar kita. Kita sebenarnya tiada pilihan lain di dalam perkara ini. Tanpa bimbingan kita, pelajar kita akan terumbang-ambing, dan kita semua terpaksa menanggung kesannya. Dalam masa terdekat ini, kita akan merancang aktiviti-aktiviti khusus bagi memastikan setiap seorang di antara kita di dalam dewan ini berperanan membantu membimbing para pelajar KUKUM menjadi manusia yang hebat, insya Allah. Yang saya minta di sini ialah, berilah kerjasama, dan bersungguh-sungguhlah apabila diminta nanti.

Selain bimbingan, para pelajar juga meminta agar kita dapat menyediakan mereka kemudahan yang selesa dan kondusif bagi tujuan pembelajaran. Alhamdulillah, setakat ini kita sudahpun melakukan segala-galanya bagi mencapai tujuan ini. Kemudahan asrama yang sedia ada, siap dengan kemudahan ICTnya yang serba canggih, saya kira, sukar ditandingi oleh pihak-pihak lain. Universiti manakah di negara ini, malah di dunia sekalipun, yang menyediakan sambungan internet kepada setiap bilik di kolej kediaman, dan ditambah pula dengan adanya hotspots di tempat-tempat tertentu, bagi kegunaan pelajarannya? Dan adakah pelajar-pelajar perlu membayar kemudahan yang disediakan ini? Di KUKUM, pelajar menggunakannya secara percuma. Walaupun atas sebab-sebab tertentu dasar ini kini sedang di dalam kajian samada kita harus meneruskannya ataupun mengenakan kadar bayaran tertentu suatu hari nanti, namun begitu, kenyataannya ialah, kemudahan yang sedemikian mewah ini hanya dapat diakses oleh segelintir pelajar yang bertuah sahaja, dan pelajar KUKUM merupakan pelajar bertuah ini.



Di sini ingin saya perjelaskan dengan lebih lanjut mengenai kedudukan pelajar kita sebagai pemegang taruh KUKUM. Jika dilihat dari sudut yang lain, pelajar juga sebenarnya adalah "produk" kita. Saya pun ada memanggil pelajar kita sebagai "produk" pada awal ucaptama tadi. Sememangnya mereka menepati huraian ini. Mereka masuk pada awal "proses" yang kita bina, iaitu proses pengajaran-dan-pembelajaran, sebagai 'bahan mentah'. Selama 4 tahun, mereka melalui sebuah sistem yang "menambah nilai" kemampuan diri mereka, dan akhirnya mereka "keluar" sebagai "produk" yang mematuhi beberapa ciri "spesifikasi" yang telah kita tetapkan. Jadi, perspektif pelajar sebagai pemegang taruh harus kita imbangi dengan perspektif pelajar sebagai produk di dalam kita berinteraksi dengan mereka setiap hari. Sebagai pemegang taruh, kita ingin pastikan bahawa kehendak mereka sentiasa kita penuhi, tetapi dalam pada itu, sebagai produk, kita juga perlu pastikan bahawa mereka ini kita bentuk agar mematuhi dan mengakuri acuan tertentu yang ditetapkan bukan sahaja oleh kita, tetapi juga oleh pemegang taruh kita yang lain, khasnya industri, kerajaan, masyarakat dan ibubapa.

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Apakah harapan ibubapa & masyarakat terhadap KUKUM? Sepertimana yang saya sebutkan tadi, selama pelajar berada di bawah jagaan kita di KUKUM, pengaruh kita ke atas mereka adalah jauh lebih besar daripada pengaruh ibubapa mereka sendiri. Ibubapa amat menyedari hal ini, tetapi mereka tetap menyerahkan anak-anak mereka kepada kita jua. Dari itu, kita sebenarnya memegang sebuah amanah yang segunung besarnya bagi pihak ibubapa.

Ibubapa tentunya mengharapkan agar anak-anak mereka diberikan bimbingan akademik dan sosial yang sempurna. Bimbingan akademik menjurus kepada lahirnya graduan yang mempunyai peluang mendapatkan pekerjaan yang baik nanti. Ini dapat diterjemahkan kepada kurikulum dan kaedah penyampaian kurikulum yang mantap, di mana terdapat tiada ruang langsung untuk mempertikaikan kualitinya.

Bimbingan sosial pula seharusnya menjamin lahirnya graduan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan spiritual. Seperti yang saya sebutkan tadi, buku-buku, nota kuliah, peralatan makmal yang canggih dan prasarana akademik lain yang lengkap dan terkini sahaja tidak cukup. Itu semua adalah persiapan fizikal yang boleh dibeli dengan mudah



asalkan kita mempunyai wang ringgit. Tetapi, bimbingan sosial, termasuk juga dalam aspek spiritual, amat sukar diperolehi, kerana ini memerlukan keikhlasan yang datangnya dari lubuk hati setiap staf KUKUM, khasnya staf yang berinteraksi secara terus dengan para pelajar. Yang ini, wang ringgit tidak dapat membelinya. Yang ini jugalah sebenarnya, ibubapa dan masyarakat amat memerlukan dari kita semua.

Dalam pada itu, ibubapa juga mengharapkan agar kos pembelajaran dan sara hidup yang mereka tanggung ke atas anak-anak mereka adalah berpatutan. Bukan semua pelajar-pelajar kita datang dari keluarga yang senang atau berada. Ada di antara ibubapa yang terpaksa bergolok-gadai semata-mata bagi memastikan anak-anak mereka hidup selesa di KUKUM. Walaupun sebagai staf biasa, tidak banyak yang dapat kita lakukan dalam menangani perkara ini, kita perlu tetap memikirkan jalan bagaimana boleh kita memastikan agar setiap sen wang yang mereka belanjakan di sini tidak sia-sia. Setidak-tidaknya, kita perlu sensitif akan keadaan kewangan pelajar-pelajar kita setiap masa.

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Apakah ekspektasi staf ke atas KUKUM? Saya kira soalan ini paling mudah untuk dijawab kerana semua di dalam dewan ini, termasuk saya sendiri, adalah merupakan staf KUKUM. Sebagai staf, kita juga adalah pemegang taruh organisasi ini. Kita mahu KUKUM memberikan yang terbaik kepada kita agar kita merasa puas lalu dapat menyumbangkan sepenuh tenaga bagi membangunkan Universiti ini. Lalu apakah sebenarnya yang kita mahu? Dan adakah KUKUM memberikannya kepada kita? Sebagai Rektor, saya ingin menanya soalan ini, dan memberikan jawapannya sekali, kerana saya bukan sahaja staf KUKUM, tetapi saya juga mewakili pihak pengurusan KUKUM yang seharusnya memberikan yang terbaik kepada saudara-i sekalian.

Saya kira, kita sebagai staf mahu bekerja di tempat yang diketahui umum sebagai institusi akademik dan penyelidikan yang cemerlang. Sekiranya dunia memandang KUKUM sebegitu, tentunya kita berbangga dapat bekerja dan menjadi sebahagian dari keluarga KUKUM. Kita juga ingin agar KUKUM menjaga kita, dan mengiktiraf kerja-kerja yang kita lakukan. Pengiktirafan yang dimaksudkan termasuk juga di dalam bentuk wang ringgit yang kita terima setiap hujung bulan di dalam bentuk gaji bulanan. Gaji yang dimasukkan ke dalam akaun bank kita tidak pernah lewat walau



sekali juapun, malah selalunya ia adalah jauh lebih awal dari yang diterima di kebanyakan tempat lain. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga KUKUM di Jabatan Bendahari yang begitu cekap menjalankan tugas.

Selain gaji, kita ingin pengiktirafan di dalam bentuk bimbingan kerjaya. Sebagai staf, kita bukan sahaja mahu membangunkan Universiti ini, tetapi kita juga ingin membangunkan diri kita sendiri. Malah sekiranya kita tidak membangunkan diri kita dahulu, bagaimanalah dapat kita membangunkan tempat ini? KUKUM menyedari hakikat ini, dan kerana itulah kita sedang dan sudahpun mengatur dan melaksanakan program-program pembangunan diri yang diadakan dari semasa ke semasa. Latihan dan pendidikan mendapat tempat yang utama di dalam agenda pembangunan KUKUM, dan setiap seorang staf KUKUM berpeluang menjalani latihan dan pendidikan yang insya Allah, berperanan membangunkan keupayaan diri.

Walaubagaimanapun, pembangunan diri melalui latihan dan pendidikan rasmi tidak terletak semata-mata di atas bahu majikan. Saudara-i sekalian, yang merupakan tuan punya badan diri sendiri, sepatutnya menerima tanggungjawab penuh di dalam perkara ini. Sekiranya saudara-i merasakan bahawa terdapat beberapa perkara atau kemahiran yang perlu dibangunkan atau diasah supaya kerja seharian yang dijalankan dapat ditambahbaik, maka adalah menjadi tanggungjawab saudara-i sekalian untuk memberitahu perkara itu kepada penyelia saudara-i. Pihak penyelia pula seharusnya menyalurkan maklumat itu kepada Ketua Jabatan. Di dalam Jabatan Pendaftar, kita mempunyai Unit Latihan yang ditugaskan untuk melihat kepada perkara-perkara sedemikian. Unit Latihan akan sentiasa mengenalpasti latihan-latihan yang boleh diberikan kepada staf, selalunya secara berpusat. Manakala pihak staf pula perlu bekerjasama mengenalpasti keperluan latihan masing-masing dan menyampaikan maklumat tersebut kepada Unit Latihan melalui saluran yang sewajarnya.

Selain pengiktirafan di dalam bentuk wang ringgit dan bimbingan kerjaya, sebagai staf, kita juga inginkan persekitaran yang selesa untuk bekerja. Di KUKUM, kita telah cuba untuk memberikan yang sedemikian kepada semua staf kita. Namun begitu, sebagai sebuah kampus yang masih lagi di dalam tahap pembangunan, keperluan ini tentulah masih jauh dari sempurna. Saya sedar akan keadaan kerja di beberapa ruang kabin yang





“Ingatlah bahawa kita sebenarnya bekerja untuk satu tujuan yang jauh lebih mulia daripada mendapat ganjaran dunia semata-mata.”

sempit dan kurang selesa berbanding ruang pejabat biasa yang lebih luas dan dari itu, lebih selesa. Kerana itulah kita berpindah ke Jejawi dan ke beberapa bangunan lain yang menjanjikan persekitaran kerja yang lebih baik. Pun begitu, akan terdapat juga segelintir staf yang terpaksa bekerja di dalam kawasan kabin atas sebab-sebab tertentu. Walaupun demikian, kita pastikan bahawa kabin-kabin tersebut adalah di dalam keadaan yang cukup selesa, insya Allah. Mungkin setelah kampus kita yang tetap di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh siap kelak, kita semua akan menikmati persekitaran kerja yang paling selesa dan kondusif.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa walaupun kampus kita ini bukan kampus yang tetap, namun demikian, kita telah membelanjakan ratusan ribu malah jutaan ringgit untuk membangunkannya, termasuk bagi memastikan agar persekitaran kerja yang terbaik dapat kita sediakan untuk staf dan juga pelajar KUKUM. Dari itu, kita harap prestasi kerja yang terbaik sahaja yang akan kita terima.

Seperti juga pelajar, kebanyakan staf di KUKUM, baik staf akademik mahupun staf bukan-akademik, mempunyai akses kepada internet. Walaupun akses sebegini adalah baik di dalam usaha kita membangunkan staf yang celik komputer dan dari itu boleh memajukan diri menjadi pekerja berilmu, namun begitu, saya kini menjadi khawatir akan gejala internet negatif yang saya lihat kian berleluasa di kalangan staf dan juga pelajar. Saya akan memperincikan gejala ini sebentar lagi.



Sebagai meringkaskan ekspektasi staf ke atas KUKUM, suka saya mengingatkan di sini bahawa ekspektasi itu seharusnya diminta semata-mata kerana staf ingin menjalankan kerja yang sebaik mungkin untuk KUKUM. Memang benar, sekiranya majikan tidak membekalkan sumber, termasuk sumber di dalam bentuk keselesaan bekerja dan ganjaran-ganjaran lain yang berkaitan dan munasabah, maka bagaimanakah staf boleh menjalankan kerja yang terbaik untuk Universiti?

Walau bagaimana pun, staf juga perlu sentiasa ingat akan moto kita, iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN. Sekiranya staf selalu memintaminta secara berlebihan pelbagai bentuk ganjaran "agar dapat menjalankan tugas yang terbaik" kononnya, maka di manakah pula KEIKHLASAN yang menjadi moto kita? Marilah kita ingat kembali firman Allah di dalam al-Quran surah al-Israk, ayat 81, yang berbunyi, "Khabarkanlah wahai Muhammad kepada mereka yang tidak ikhlas dalam sesuatu pekerjaan, bahawa setiap yang tidak benar itu akan terbukti salah setelah muncul bukti yang menunjukkan kedudukan sebenar perkara berkenaan".

Sebagai manusia yang hidup di dalam lingkungan sistem yang dibangunkan oleh manusia juga, maka tidak dapat tidak pasti ada segolongan staf yang merasakan diri mereka dianaktirikan oleh sistem ini. Kita di KUKUM akan cuba memastikan perkara ini tidak terjadi, tetapi sekiranya ia terjadi jua, maka ingatlah bahawa kita sebenarnya bekerja untuk satu tujuan yang jauh lebih mulia daripada mendapat ganjaran dunia semata-mata. Sistem pengiktirafan yang kita bangunkan ini tentunya tidak dapat membahagiakan semua orang, dan mungkin ada yang merasakan bahawa ganjaran yang diterima adalah tidak setimpal dengan kerja yang dilaksanakan. Kepada staf-staf ini, ingatlah sentiasa bahawa sekiranya keikhlasan mendasari kerja kita, maka tiada satu imbuhanpun yang kita harapkan sebagai balasan, sepertimana yang saya jelaskan awal tadi, melainkan imbuhan di dalam bentuk kepuasan diri.

Dengan sekian banyak kemudahan dan keselesaan yang sudahpun diberikan, kita harus bersyukur kepada Tuhan. Dan kita harus menunjukkan tanda kesyukuran itu dengan melakukan kerja secara bersungguh-sungguh, dan tidak pula memintaminta secara berlebihan. Kita juga seharusnya memanfaatkan apa yang kita diberikan, dan tidak menggunakan kemudahan yang sedia ada ini bagi tujuan yang boleh merosakkan imej dan nama baik Universiti.



Pembangunan Core Competencies bagi memenuhi keperluan Stakeholders KUKUM

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Saya telah berucap secara panjang lebar mengenai core values KUKUM, dan selepas itu, saya telah mengupas ekspektasi pemegang taruh ke atas KUKUM. Saya harap saudara-i sekian faham apakah dia ekspektasi-ekspektasi tersebut, dan sedar bahawa setiap satu dari ekspektasi tersebut harus dipenuhi. Tetapi apakah strategi terbaik untuk memenuhi ekspektasi-ekspektasi yang pelbagai itu? Bagi setiap ekspektasi, kita sudahpun menelitinya dan mengenalpasti apakah core competency yang perlu kita bangunkan. Ini merupakan perancangan strategik bagi KUKUM untuk tahun 2004. Keperluan-keperluan yang saya terangkan tadi akan diterjemahkan di dalam bentuk pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Setiap di antara saudara-i adalah anggota kepada PTJ, dan melalui PTJ saudara-i sekalian, saudara-i akan melaksanakan tugas-tugas tertentu yang memastikan ekspektasi pemegang taruh KUKUM dapat dipenuhi. Dari itu, saya harap saudara-i menghayati setiap tugas yang diberikan nanti. Ini kerana semua tugas yang diberikan sebenarnya dirancang dan digubal agar core competency tertentu dapat kita bangunkan. Core competency ini seterusnya, sekiranya diamalkan dengan cara yang terancang dan tersusun, insya Allah, dapat memenuhi keperluan ekspektasi kumpulan pemegang taruh kita, termasuklah diri kita sendiri, sebagai kumpulan staf KUKUM, yang juga merupakan pemegang taruh kepada KUKUM.

Pencapaian KUKUM Tahun 2003

Saudara-i para pelajar dan staf sekalian,

Pada sepanjang tahun lepas, KUKUM telah aktif menjalankan segala apa yang dirancang pada tahun sebelumnya. Sekiranya saudara-i masih ingat, kita telah memberikan fokus kepada 5 buah sasaran utama tahun lepas, iaitu:

- (1) Meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran
- (2) Membangunkan kumpulan staf akademik yang berkemahiran dari aspek teori dan praktikal, serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan peka kepada perkembangan teknologi



- (3) Menjadikan staf KUKUM (iaitu staf akademik dan juga bukan-akademik) sebagai ejen perubahan yang mampu memberikan idea-idea baru, mesra pelanggan, dan menghargai kepentingan pemeliharaan alam sekitar
- (4) Melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul seperti mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, mampu bertindak dan berfikir secara rasional dan bijaksana, mempunyai nilai jatidiri yang utuh, serta berkualiti di dalam bidang ilmu dan kemahiran, dan,
- (5) Memantapkan dan menambahbaik sistem pentadbiran universiti secara berterusan

Alhamdulillah, setiap satu dari sasaran-sasaran tersebut telah kita ambil tindakan, dan sudahpun membuahkan beberapa kejayaan. Sasaran kita yang pertama, iaitu 'meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran' telah kita beri keutamaan, dengan perbelanjaan jutaan ringgit membangunkan sumber tenaga akademik beserta makmal-makmal dan peralatan canggih bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kita telah meneliti secara sedalam-dalamnya kekuatan dan kelemahan akademik kita, dan telah memainkan peranan penting di dalam mempertahankan kedudukan kurikulum kita pada mata pihak-pihak yang utama khasnya pihak Lembaga Jurutera Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi. Syukur ke hadrat Allah SWT, kita telah berjaya meyakinkan pihak-pihak ini bahawa kurikulum yang kita bangunkan adalah setanding, malah mungkin lebih baik dari kurikulum kejuruteraan yang dibangunkan oleh pihak-pihak yang sudahpun mendapat pengiktirafan.

Walaupun bagaimanapun, kita baru sahaja berada pada permulaan sebuah perjalanan yang masih jauh. Kita masih perlu menghasilkan bukti-bukti yang jelas, yang kini masih belum ada, lantaran program akademik kita yang belum lagi menghasilkan graduan. Saya kira ramai di antara saudara-i yang turut serta di dalam persiapan menjalani pre-audit bagi memenuhi keperluan Engineering Accreditation Council (EAC). Saya ingin menyatakan di sini peri pentingnya persiapan tersebut, kerana EAC lah pihak yang akan mengiktiraf program akademik kita kelak. Dengan pengiktirafan dari EAC, insya Allah, graduan kita akan menikmati peluang pekerjaan yang lebih baik lagi.

Selain itu, alhamdulillah, kita amat agresif dalam memulakan agenda pengantarabangsaan KUKUM dengan mengadakan beberapa lawatan kerja ke luar negara. Kita kini sudah memupuk pelbagai bentuk kerjasama

dengan universiti-universiti di Indonesia, Thailand, Jepun, India, German, dan United Kingdom. Kita juga kini sudahpun ada tenaga pengajar dari luar negara, dan kita akan tambah beberapa orang tokoh akademik lagi dari luar negara pada tahun ini, Insya Allah.

Dari segi pentadbiran, alhamdulillah, KUKUM kini beroperasi seperti universiti-universiti lain. Pada Majlis Ucaptama tahun lalu, saya telah menghebahkan nama ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti kita yang baru sahaja dilantik. Kini, LPU sudahpun bermesyuarat beberapa kali, dan jalinan perhubungan antara KUKUM dengan LPUnya amat baik sekali. Sebagaimana yang saya sebutkan pada awal ceramah ini, Pengerusi LPU sendiri telah "turun ke padang" untuk bersama-sama membangunkan pelan perancangan strategik kita bagi tahun 2004.

Dari segi pembangunan kampus pula, saya kira kampus kita yang distributed ini akan terus kita huni untuk beberapa lama lagi. Ini sebenarnya bukanlah menjadi masalah yang besar, kerana walaupun agak terasing sedikit dari segi fizikal, kita mempunyai rangkaian ICT yang sentiasa menyambungkan satu tapak kampus dengan tapak-tapak yang lain. Oleh itu, dari segi perjalanan kerja, KUKUM adalah setanding dengan kampus-kampus lain yang bukan bersifat bertaburan, Insya Allah.

### Sejenak Perjalanan 2003

Saudara-i, para pelajar dan staf sekalian,

Marilah kita renung sejenak acara-acara yang telah kita lalui semenjak Majlis Ucaptama kita tahun lalu. Tahun 2003 sama sahaja seperti tahun 2002, di mana diari KUKUM padat dengan pelbagai program bercorak akademik dan juga sosial yang dirancang dan diatur bagi menyerikan kehadiran kita di bumi Perlis ini. Di sini, saya hanya akan menyentuh secara sepintas lalu peristiwa-peristiwa yang besar sahaja.

Saya kira peristiwa yang paling utama ialah Upacara Pecah Tanah yang telah kita adakan pada bulan Jun, 2003 di tapak kampus tetap kita di Ulu Pauh. Majlis tersebut, yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, telah dihadiri seramai sekitar 15 000 orang tetamu. Saya telah menyaksikan bagaimana staf KUKUM bersama-sama menggembeling tenaga bekerja bertungkus-lumus bagi memastikan agar acara tersebut berlangsung dengan jayanya. Sehingga kini, saya masih merasa kagum



dengan kesungguhan yang telah ditunjukkan.

Sebagai memenuhi tuntutan sosial kita dalam menangani gejala dadah, KUKUM telah menjadi tuan rumah kepada Kolokium PEMADAM Kebangsaan yang telah diadakan pada bulan Oktober yang lalu. Kolokium itu telah dihadiri para pelajar IPTA dan IPTS dari seluruh pelusuk tanahair. Seperti biasa, team KUKUM tampil memberikan kerjasama padu, dan hasilnya, kolokium tersebut telah berlangsung dengan sempurna.

KUKUM baru-baru ini telah diberi penghormatan mendapat seorang Canselor bagi mengetuai Universiti ini. Kita merasa amat bertuah kerana Canselor kita, tidak lain dan tidak bukan, ialah D.Y.M.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, pemangku Raja Perlis. Watikah pelantikan telah diterima pada awal November, 2003, dan sejeurus selepas itu, Tuanku Canselor telah berkenan menyerikan Majlis Berbuka Puasa bersama pelajar dan staf KUKUM, beserta sekumpulan warga emas Perlis. Selain berbuka puasa, Tuanku Canselor serta Raja Puan Muda telah bersama-sama bersolat terawih dan mengamati bacaan ayat-ayat suci al-Quran pada malam tersebut.

Acara terbaru yang kita lalui bersama ialah Hari Keluarga yang telah diadakan awal tahun ini. Tujuan mengadakan hari tersebut bukanlah sekadar berseronok semata-mata, tetapi agenda penting di sebaliknya ialah bagi menjalin tali siratulrahim antara staf dan keluarga. Sekiranya kita saling berinteraksi antara satu sama lain di luar persekitaran kerja biasa, maka Insya Allah, kita akan mengenali diri kita serta rakan-rakan kerja kita dengan lebih baik lagi. Ini saya harap dapat mencipta suasana di mana kita saling menghargai dan menghormati antara satu sama lain, dan ini seterusnya memudahkan lagi kerja seharian dijalankan di pejabat.

Acara Penting KUKUM bagi tahun 2004

Saudara-i, para pelajar sekalian,

Tahun 2004 menjanjikan lebih banyak acara dan program, yang sebahagiannya sudahpun diatur dari sekarang. Kebanyakan dari program-program ini bertujuan memantapkan kedudukan akademik kita, dan selebihnya adalah program-program sosial yang tidak kurang pentingnya bagi memastikan pembangunan diri yang seimbang pada pihak pelajar dan staf KUKUM.

“Ketahuilah,  
ini adalah  
janji yang  
akan saya  
kotakan.”



Saya kira salah satu acara utama bagi tahun 2004 ialah Upacara Pemasyhuran Tuanku Canselor, yang Insya Allah akan diadakan pada bulan Julai, 2004. Acara ini kini di dalam perancangan rapi. Cokmar, jubah dan perabot komemoratif KUKUM, serta puluhan bentuk persiapan lain sedang dilakukan sejak beberapa bulan yang lepas. Tidak lama lagi, ramai di antara saudara-i sekalian yang akan turut sama di dalam persiapan ini. Saya harap, seperti biasa, saudara-i akan memberikan sepenuh jiwa dan raga bagi memastikan kejayaan program-program kita.

#### Nasihat dan Amaran

Sebelum saya menutup ucapan ini, saya ingin berbalik kepada isu gejala negatif bersabit dengan ICT, yang saya lihat kini mula menular di kalangan staf dan juga pelajar KUKUM. Gejala yang saya maksudkan ialah kecenderungan sesetengah staf dan pelajar menggunakan kemudahan yang disediakan bagi tujuan kurang baik. Saya tidak menghalang staf dari sesekali melakukan chatting atau surfing, tetapi sekiranya ini dilakukan secara berpanjangan sehingga menjejaskan prestasi kerja, maka ia menjadi sesuatu yang saya anggap amat serius.

Mungkin saudara-i tidak menyedari hakikat bahawa pihak ICT sebenarnya ada memantau kegiatan internet staf dan juga pelajar, dan laporan pemantauan tersebut diserahkan kepada saya setiap minggu. Nampaknya kegiatan internet yang kurang sihat kini semakin berleluasa.



Oleh itu, kita kini sedang mengkaji perkara ini dan akan menggubal dasar-dasar tertentu yang bertujuan menghindari ia dari menjadi lebih serius lagi. Saya akan tidak teragak-agak mengenakan tindakan disiplin kepada staf atau pelajar KUKUM yang menggunakan hartabenda dan kemudahan Universiti bagi tujuan merosakkan diri sendiri, rakan-rakan, dan juga nama baik KUKUM. Malah pada tahun lepas, saya sudahpun mengenakan tindakan disiplin ke atas beberapa orang staf yang terlibat. Pada tahun ini, tindakan yang jauh lebih tegas dan keras akan diambil ke atas sesiapa yang masih berdegil. Saudara-i sekalian, ini bukanlah suatu amaran atau ugutan, tetapi, ini adalah sebuah janji; ini adalah janji saya kepada staf dan pelajar yang engkar akan arahan ini dan terus-menerus menggunakan harta benda dan kemudahan KUKUM bagi tujuan yang serong. Ketahuilah, ini adalah janji yang akan saya kotakan.

Satu lagi perkara yang saya lihat hampir tidak terkawal ialah tatacara kita menggunakan masa. Masa itu, sebagaimana yang kita semua tahu, adalah lebih berharga daripada emas. Malangnya, saya dapati ramai di antara kita tidak menghormati masa. Sekiranya diminta datang pada pukul 9 pagi bagi sesebuah perjumpaan misalnya, ramai yang akan datang pada pukul 9.15 pagi. Mengapa jadi begitu? Sekiranya kita datang lewat, ini bermakna bukan sahaja kita tidak menghormati masa, tetapi kita juga tidak menghormati orang-orang yang datang lebih awal dari kita. Kadangkala, ketua jabatan atau pengerusi mesyuarat sudah hadir dan menunggu, barulah ahli biasa muncul, seorang demi seorang. Ini tidak seharusnya berlaku. Buat diri saya, staf yang datang lewat seperti ini amat tidak malu, dan sungguh tidak layak dipertimbangkan untuk apa jua jawatan atau kenaikan pangkat. Ini kerana orang yang selalu datang lewat mencerminkan sifat diri mereka yang sebenar, yang serba tidak terurus. Adakah kita mahu staf yang sebegini menganggotai dan mengurus Universiti ini? Sekiranya sekali dua datang lambat, mungkin boleh dimaafkan, tetapi jika datang lewat itu menjadi sebahagian budaya yang diamalkan, maka orang itu lebih baik mencari kerja di tempat lain. Sesungguhnya, tiada ruang bagi orang yang tiada kesungguhan untuk bekerja di Universiti ini.

Satu lagi cara kita tidak menghormati masa ialah dengan membazirkannya. Saya amat arif dengan keadaan segelintir staf yang menghabiskan masa yang banyak bersembang-sembang, bergelak ketawa, dan bergayut di telefon atau di internet, tanpa sedikitpun menyedari bahawa masa yang digunakan bagi tujuan ini akan

dipertanggungjawabkan ke atas mereka sekiranya mereka membelanjakan wang gaji yang dibayar oleh KUKUM, yang mereka ambil setiap hujung bulan. Saya tidak menyekat staf saya dari bersosial di pejabat pada waktu-waktu tertentu, tetapi saya langsung tidak toleran kepada staf yang menanggukkan kerja semata-mata untuk berseronok sesama sendiri. Sekiranya terdapat sedikit masa yang terluang setelah semua kerja siap beres, apa salahnya kita bersembang-sembang, tetapi sekiranya bersembang itu dijadikan agenda utama sesebuah hari bekerja, maka saya tidak akan berkompromi ke atas orang-orang ini.

Saudara-i sekalian,

Dalam kita terus mengemudi tenaga dan upaya demi bersama-sama membangunkan Universiti ini, tak dapat tidak, kita terpaksa menjalankan tugas-tugas yang mungkin secara lazimnya tidak kita lakukan sekiranya kita bekerja di universiti atau tempat lain yang sudah mantap sistem dan operasinya. Tetapi inilah hakikatnya semasa kita bersetuju bekerja di KUKUM. Kita perlu menerima kenyataan bahawa kita harus bekerja jauh lebih keras dari orang lain, kerana KUKUM ini masih baru lagi. Sistemnya masih pada tahap pembangunan, dan dari itu memerlukan perhatian dan masa yang banyak dari kita. Kalau dulu semasa ditemuduga, kita menabur janji untuk bekerja keras, kini, setelah kita diambil bekerja, maka perlulah janji tersebut dikotakan. Janganlah kita menolak kerja yang diberikan kepada kita, semata-mata kerana kita sibuk, kononnya. Semua orang sibuk- itu sudah pasti. Tetapi orang sibuk yang rajin dan pandai mengurus masa, dan menjalankan pula tugas dengan ikhlas kerana Tuhan, *fi sabilillah*, orang ini *Insyallah* berupaya mengalihkan kedudukan gunung sekalipun. Inilah orang yang kita mahu bekerja di KUKUM.

Saudara-i sekalian, kita semua sebenarnya, tanpa terkecuali, ada tugas dan tanggungjawab yang perlu dibereskan. Janganlah hanya menantikan arahan sahaja, barulah hendak mula buat kerja. Kita perlu proaktif, dan bukannya reaktif, dan sebaik sahaja diberikan tugas, kita perlu terus melakukannya, tanpa berlengah lagi. Terlalu banyak yang perlu disiapkan, dan dari itu, terlalu berharga masa yang diberikan kepada kita. Janganlah kita mensia-siakan masa yang amat berharga ini.





“Ingatlah di bahu saudara-saudari sekalian terpahat sebuah amanah yang perlu ditunaikan”

### Penutup

Sudah lebih satu jam saya menyampaikan ucaptama ini. Saya ingin menutupnya dengan mengajak saudara-i sekalian melihat secara sepintas lalu perkembangan yang dilalui KUKUM. Sekiranya dulu kita hanya mempunyai 2 buah program akademik, kini kita sudah ada 10 buah, dan Insya Allah, 4 buah akan ditambah tidak berapa lama lagi, menjadikan jumlah program akademik yang kita tawarkan sebanyak 14 buah. Sekiranya dulu pelajar kita berjumlah 120 orang, kini sudah ada lebih kurang 700 orang, dan bilangan ini akan terus meningkat dalam bulan-bulan yang akan datang. Sekiranya dulu kita hanya ada beberapa makmal asas, kini kita sudah ada makmal-makmal serta kemudahan lain yang lebih specialised termasuklah bilik bersih yang berharga hampir RM 2 juta. Sekiranya dulu kita tiada lagu rasmi, kini kita sudah ada lagu WAWASANKU yang kita nyanyikan bersama pada setiap majlis rasmi KUKUM. Sekiranya dulu kita tiada logo rasmi, kini kita sudahpun ada logo tersebut, yang Insya Allah akan dilancarkan sebentar lagi.

Lihatlah bagaimana KUKUM, Universiti yang kita sayangi ini, bergerak dari sebuah kekuatan kepada sebuah kekuatan lain dengan beredarnya perjalanan masa. Mesej saya ialah, kita telah bersama-sama membangunkan Universiti ini, dan Insya Allah, kita akan terus-menerus membangunkannya selagi kita mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk melakukan yang sedemikian. Saya tidak mahu memikul tanggungjawab ini sendiri. Sebaliknya, saya mengajak saudara-i sekalian untuk turut serta memikulnya.

Dalam saudara-i memulakan tugas seharian, ingatlah, di bahu saudara-i sekalian terpahat sebuah amanah yang perlu ditunaikan. Tingkahlaku

saudara-i akan sentiasa diterjemahkan kepada kesan yang dirasai bukan sahaja oleh KUKUM, tetapi oleh masyarakat sekeliling. Sekiranya yang baik dikerjakan, maka yang baiklah akan terjana, dan sekiranya yang buruk dilaksanakan, maka yang buruklah akan terhasil. Persoalannya sekarang adakah kita mahu yang baik, atautkah kita mahu yang buruk?

Saya sudahi ucaptama ini dengan sebuah puisi Inggeris yang diilhamkan oleh Robert Frost, yang seharusnya kita renungi bersama, dan kita ambil iktibar daripadanya. Ia adalah mengenai pengurusan masa, dan pengorbanan kita dalam melaksanakan tugas-tugas kita yang amat mencabar.

"The woods are lovely, dark and deep  
But we have promises to keep  
And long to go before we sleep"

Sekian, wabillahitaufiq, walhidayah, wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.



## LOGO RASMI



### KETERANGAN LOGO



Warna BIRU, KUNING dan PERAK adalah warna KUKUM. Biru bermaksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan. Perak mencerminkan teknologi tinggi, keperkasaan dan keikhlasan. Kuning melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.



Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi. Empat belas bulatan kuning kecil di dalam segitiga sama melambangkan 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.



Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili moto KUKUM iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

## BENDERA RASMI



## LAGU RASMI

### WAWASANKU

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN  
UTARA MALAYSIA  
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN  
WAWASAN JIWA KITA

BERDIKARI, ROHANIAH  
BERTEKNOLOGI  
PEMIMPIN BERBESTARI  
UNTUK BANGSA, INSAN DAN UMAT DUNIA  
NEGARA YANG TERCINTA

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN  
UTARA MALAYSIA  
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN  
WAWASAN JIWA KITA

Ciptaan oleh: Fauzi Marzuki  
Lirik: Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah



SENARAI PESERTA  
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO RASMI KUKUM

A. STAFF

NAMA	JABATAN/P.PENGAJIAN
1. Che Mohd. Ruzaidi Ghazali	P.P.K. Bahan
2. Rosfarizal Abd. Manan	Jabatan Pembangunan
3. Irni Herliza Inche Amat	Jabatan Pendaftar
4. Syed Mohd. Zaki Syed Hadzir	Jabatan Pembangunan
5. Asran Ishak	Jabatan Pembangunan

B. PELAJAR

NAMA	P. PENGAJIAN
1. Abdul Sattar Megat Husin	P.P.K. Mekatronik
2. Mohamad Aziddin Mohamed Jamil	P.P.K. Komputer & Perhubungan
3. Sathiasilan a/l Anandam	P.P.K. Mekatronik
4. Goh Kah Hean	P.P.K. Pembuatan
5. Harmen Muda	P.P.K. Elektrik
6. Azime Osman @ Saimon	P.P.K. Komputer & Perhubungan
7. Mohd. Ariff Mohd. Shah Budin	P.P.K. Elektronik
8. Muhamad Ghafar Abdullah	P.P.K. Mekatronik
9. Zulhlimi Ahmad Tajudin	P.P.K. Mekatronik
10. Mohd. Sabri Hussin	P.P.K. Pembuatan
11. David Yah	P.P.K. Elektronik
12. Chong Yee Lin	P.P.K. Mekatronik

NAMA-NAMA PEMENANG SAGUHATI  
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO RASMI KUKUM

1. Staf

Nama	:	Asran Ishak
Jabatan	:	Pembangunan
Jawatan	:	Pembantu Tadbir (P/O)
No. Staff	:	04 00192
Jum. Logo	:	3
Jum. Wang	:	RM 500.00 x 3 = RM 1500.00

2. Pelajar

Nama	:	Chong Yee Lin
P.Pengajian	:	Kejuruteraan Mekatronik
No. Pelajar	:	031060069
Jum. Logo	:	1
Jum. Wang	:	RM 500.00 x 1 = RM 500.00

**AHLI JAWATANKUASA  
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO RASMI KUKUM**

- |    |                                     |               |
|----|-------------------------------------|---------------|
| 1. | LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN | (PENGERUSI)   |
| 2. | PROF. MADYA DR. ISMAIL ABDULLAH     | (PENASIHAT)   |
| 3. | EN. FAUZI MARZUKI                   | (PENASIHAT)   |
| 4. | EN. KU HALIM KU ARIFFIN             | (AHLI)        |
| 5. | PROF. MADYA DR. ZURAIDAH MD. ZAIN   | (AHLI)        |
| 6. | EN. MOHD. PADZIL ABD. AZIZ          | (AHLI)        |
| 7. | EN. MUSTAFFA ISMAIL                 | (AHLI)        |
| 8. | EN. AFFENDI RAJINI KANTH            | (SEKRETARIAT) |
| 9. | PN. ROZZ IZAWATEE AZIZAN            | (SEKRETARIAT) |

**Sekalung Penghargaan**

Ahli Jawatankuasa Majlis UCAPTAMA TAHUNAN  
REKTOR KUKUM 2004  
merakamkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan  
kepada

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Unit Protokol  
Pihak Media Elektronik & Cetak

serta  
semua pihak yang terlibat secara langsung atau  
tidak langsung dalam menjayakan  
majlis ini.



